

## **EKSPRESI KENDIRI DALAM LUKISAN KANAK-KANAK AUTISME DI SEBUAH SEKOLAH KEBANGSAAN INTEGRASI**

**ISMAIL BIN MUHAMAD**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SENI)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2016**

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak autisme dalam kelas seni visual. Seramai empat orang daripada 55 orang kanak-kanak berkeperluan khas yang mendaftarkan diri di Kelas Pendidikan Khas, Sekolah Kebangsaan Sri Langat telah dipilih sebagai partisipan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpulkan secara temu bual dan pemerhatian. Menerusi temu bual dengan responden serta analisis lukisan kanak-kanak autisme (lukisan partisipan), didapati kanak-kanak ini banyak menggunakan imaginasi, bersedia untuk mencuba sesuatu yang berlainan dan berani memaparkan ekspresi diri dan berfikiran terbuka. Kanak-kanak autisme ini juga cenderung melukis berdasarkan minat, pengalaman, pemerhatian yang teliti dan perkara-perkara yang menyentuh hati mereka. Kesimpulannya, kajian ekspresi diri dalam lukisan menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme boleh mengekspresi dirinya melalui lukisan dan bakat kanak-kanak autisme ini boleh diketengahkan dengan meningkatkan pemerhatian secara terperinci dan sokongan padu dari guru-guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling.

## SELF EXPRESSION IN DRAWING AMONG WITH AUTISME IN AN INTEGRATED NATIONAL SCHOOL

### ABSTRACT

This research attempts to examine and identify self expression in student's drawing in Visual Art class among autism students in SK Sri Langat (Integrasi). Four students has been selected as participants in this research among 55 students who enrolled in Special Education class in this school. The data was collected through interviews and observations. The student's drawing were analysed and selected respondents were interviewed thoroughly. Hence of this research, it is discovered that these students mostly used their imaginations, willing to explore new means of expressing themselves through drawing and very creative while doing so. They also loved to draw based on their interests, past experiences, close observations and something that is very dear to their heart. As a conclusion, self expression in student's drawing showed these autistic students are able to potray their self expressions through drawings and these students' talent can be nurtured and enhanced through close observations and support from teachers, parents and community.



05-4506832



observations and support from



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

|                                |                                |
|--------------------------------|--------------------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>               | <b>Muka Surat</b><br><b>ii</b> |
| <b>PENGHARGAAN</b>             | <b>iii</b>                     |
| <b>ABSTRAK</b>                 | <b>iv</b>                      |
| <b>ABSTRACT</b>                | <b>v</b>                       |
| <b>KANDUNGAN</b>               | <b>vi</b>                      |
| <b>SENARAI JADUAL</b>          | <b>x</b>                       |
| <b>SENARAI RAJAH / LUKISAN</b> | <b>xi</b>                      |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>        | <b>xii</b>                     |

## BAB 1 PENGENALAN

|   |    |
|---|----|
| 1.0 Pengenalan                          | 1  |
| 1.1 Permasalahan kajian                 | 16 |
| 1.2 Tujuan kajian                       | 20 |
| 1.3 Objektif kajian                     | 20 |
| 1.4 Persoalan kajian                    | 21 |
| 1.5 Rumusan Kerangka Konseptual         | 21 |
| 1.6 Kepentingan Kajian                  | 23 |
| 1.7 Batasan Kajian                      | 24 |
| 1.7.1 Batasan Kandungan                 | 24 |
| 1.7.2 Responden / Partisipan / Informer | 25 |
| 1.7.3 Batasan Ruang / Tempat            | 26 |

|        |  |    |
|--------|--|----|
| 2.0    | Pengenalan   | 27 |
| 2.1    | Konsep Ekspresi  | 28 |
| 2.2    | Teori Perkembangan Artistik                                      | 31 |
| 2.3    | Kanak-kanak Autisme  | 37 |
| 2.4    | Kajian Lepas Mengenai Lukisan Kanak-kanak Autisme                | 43 |
| 2.5    | Kajian Lepas Mengenai Lukisan Autisme di Malaysia                | 44 |
| 2.6    | Kajian Lepas Mengenai Lukisan Kanak-kanak Autisme di luar negara | 49 |
| 2.7    | Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Lukisan Kanak-kanak Autisme      | 51 |
| 2.7.1  | Minat / Kecenderungan  | 51 |
| 2.7.2  | Pengalaman   | 53 |
| 2.7.3  | Latar Belakang   | 54 |
| 2.7.4  | Kemahiran Sosial   | 54 |
| 2.7.5  | Kreativiti   | 55 |
| 2.7.6  | Emosi  | 59 |
| 2.7.7  | Persekutaran   | 61 |
| 2.7.8  | Guru   | 62 |
| 2.7.9  | Proses Pengajaran dan Pembelajaran                               | 67 |
| 2.7.10 | Alat dan Bahan   | 70 |

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 3.0   | Pengenalan                                 | 73 |
| 3.1   | Rekabentuk Penyelidikan                    | 74 |
| 3.2   | Lokasi Kajian                              | 75 |
| 3.3   | Kumpulan Kajian                            | 76 |
| 3.4   | Kaedah Temubual                            | 78 |
| 3.5   | Kaedah Pemerhatian                         | 79 |
| 3.6   | Kaedah Kepustakaan dan Pengumpulan Dokumen | 79 |
| 3.7   | Kaedah Dokumentasi (Rakaman Visual)        | 80 |
| 3.8   | Instrumen Kajian                           | 80 |
| 3.8.1 | Membuat Temu Bual                          | 81 |
| 3.9   | Prosedur Pengumpulan Data                  | 84 |
| 3.10  | Analisis Data                              | 86 |
| 3.11  | Matriks Pengumpulan Data                   | 87 |

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 4.1 | Pengenalan   | 88 |
| 4.2 | Latar Belakang Partisipan                                      | 90 |
| 4.3 | Latar Belakang Responden                                       | 91 |
| 4.4 | Maklumbalas Responden Terhadap Hubungkait Antara Ekspresi Diri |    |

|  |     |
|--|-----|
| Imej Yang Digunakan Dalam Penghasilan lukisan        | 92  |
| 4.4.1 Partisipan 1: Mohd Shafiuuddin bin Mohd Nizar. | 92  |
| 4.4.2 Partisipan 2: Rafizuddin bin Roslee            | 101 |
| 4.4.3 Partisipan 3: Harith Daniel                    | 113 |
| 4.4.4 Partisipan 4: Mohd Shukor                      | 115 |

|  |     |
|--|-----|
| 4.5 Imej-imej yang lazim digunakan oleh partisipan dalam lukisan kanak-kanak autism                        | 119 |
| 4.5 Faktor-faktor yang mendorong pembentukan ekspresi diri kanak-kanak autisme semasa menghasilkan lukisan | 120 |

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

|                                 |     |
|---------------------------------|-----|
| 5.0 Pengenalan                  | 127 |
| 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian | 128 |

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual                    | Muka Surat |
|-------------------------------|------------|
| 1.1 Partispan / sampel kajian | 29         |

## SENARAI RAJAH / LUKISAN

| No. Rajah / lukisan  | Muka surat |
|--|------------|
| 1.0 Kajian Perkembangan Artistik oleh Donald Herbeholtz<br>dan Barbara Herberholz. (2002: 104-106) | 17         |
| 1.1 Hubungkait antara ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak autisme.                             | 25         |
| 2.0 Ciri kanak-kanak autism  | 47         |
| 2.1 Ubudiah Mosque   | 53         |
| 2.2 A Famosa   | 54         |
| 2.3 Horse and Rider  | 55         |
| 2.4 Chicken and cockerel   | 56         |
| 2.5 Karya Glen, The Temptation   | 58         |
| 3.0 Matriks pengumpulan data   | 96         |
| 4.0 Lukisan bebas (Mohd Shafiuuddin)   | 102        |
| 4.1 Lukisan bertemakan aktiviti harian   | 104        |
| 4.2 Lukisan pemandangan petang   | 106        |
| 4.3 Lukisan pulang dari sekolah  | 108        |
| 4.4 Lukisan suasana petang yang ceria  | 110        |

|  |   |  |  |   |
|--|---|--|--|---|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun<br>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| 4.5 Lukisan pertama yang dilukis, bertemakan bebas 112                                       |   |  |  |   |
| 4.6 Rumah saya 114   |   |  |  |   |
| 4.7 Adiwira (ultraman) dan raksasa 116   |   |  |  |   |
| 4.8 Ultraman dan raksasa 118   |   |  |  |   |
| 4.9 Keluarga saya 119  |   |  |  |   |
| 4.10 Semut yang rajin 121  |   |  |  |   |
| 4.11 Gagak yang dahaga 124   |   |  |  |   |
| 4.12 Kucing berwarna kuning 128  |   |  |  |   |
| 4.13 Gunung berapi, ular dan rumput yang dibakar 128   |   |  |  |   |

## SENARAI LAMPIRAN

1. TEMUBUAL BERSAMA PUAN JUNAIDAH BT JAAFAR (NASOM)
2. TEMUBUAL BERSAMA PUAN HASLINDA BT SARMAN DAN PUAN NOOR RITA BT ABD JALIL (GURU PENDIDIKAN KHAS SK SRI LANGAT INTEGRASI) (TEMUBUAL BERSAMA)
3. TEMUBUAL BERSAMA CIK ESODA (NASOM BUKIT TINGGI)
4. TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD FARIS BIN SIDEK (NASOM)
5. TEMUBUAL BERSAMA CIK DAYANG BT AWANG NOOR
6. CONTOH BORANG TEMBUBUAL

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Kanak-kanak berkembang mengikut fitrah semulajadi mereka. Perkara ini seiring dengan perkembangan penghasilan karya seni mereka. Perkembangan kanak-kanak ini boleh dilihat menerusi aktiviti melukis di mana mereka digalakkan membuat penerokaan dan percubaan untuk mempelbagaikan kreativiti mereka. Menurut Frank Cizek dalam (Mohamad 1996), terdapat daya kreativiti yang hebat dalam diri seseorang kanak-kanak dan kanak-kanak ini memerlukan medium untuk meluahkan ekspresi diri mereka. Ini adalah penting untuk menzahirkan persepsi mereka terhadap apa yang diamati melalui persekitaran dan kehidupan seharian. Rob Barnes (2002: 13) berpendapat bahawa kanak-kanak dapat menerima dan bertukar idea melalui proses berimajinasi semasa mereka melukis. Ini bermakna melalui proses berimajinasi,

05 kanak-kanak melihat sesuatu imej atau objek dan mereka akan cuba mengingati imej atau objek tersebut. Kanak-kanak tersebut akan mengeluarkan imej yang dilihat sebagai idea untuk menghasilkan lakaran ataupun lukisan. Justeru itu, kanak-kanak sering melukis untuk menyatakan ekspresi diri mereka. Kanak-kanak mula menyatakan ekspresi diri mereka sejak dari kecil. Mereka mula berekspresi apabila mereka mula menguasai pergerakan motor kasar. Pernyataan ekspresi diri mereka sering menjadi tumpuan namun didapati hanya aktiviti lukisan sahaja yang mampu menzahirkan pernyataan ekspresi mereka. Persepsi dan ekspresi ini berbeza-beza mengikut tahap perkembangan pengamatan tampak dan mengikut peringkat-peringkat umur yang tertentu.

Couto (2011:135) menegaskan bahawa persepsi adalah suatu proses dimana sesuatu organisma menginterpretasikan dan menyusun sensasi yang diterimanya 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah menjadi sesuatu yang bermakna. Sensori itu sendiri adalah sesuatu yang tidak tunggal; yang mana ianya boleh berupa gabungan rangsangan yang berasal dari mata, telinga, hidung, atau kulit. Persepsi dengan perkataan lain, dapat digambarkan sebagai satu hasil pengalaman manusia terhadap dunia amnya dan melalui sensori-persepsi khususnya.

Secara praktiknya, sensori dan persepsi adalah dua unsur yang tidak dipisah, sebab satu dengan yang lainnya merupakan bahagian dari suatu proses yang berkelanjutan. Adanya persepsi kerana adanya sensasi (rangsangan). Objek-objek yang dilihat oleh manusia boleh diklasifikasi dalam tiga sudut pandang (Couto, 1998:156).

- 05-4506832 1. Objek sebagai imej atau citra, iaitu pembentukan kesan yang diterima manusia dalam menangkap sesuatu (bentuk, bunyi, suara, rasa dsb),
2. Objek sebagai fenomena psikologi, iaitu objek yang di respons sebagai reaksi psikologi manusia.

Objek sebagai tanda yang diberi makna tertentu, adalah objek yang dihubungkan dengan wahana hubungan sosial dan budaya (Couto1998:156).

Kleine-Horst (2011:45) mengklasifikasikan persepsi kepada beberapa bahagian iaitu:

1. *Depth perception* (Persepsi kedalaman)
2. *Object perception* (Persepsi bentuk objek/figur) dan konfigurasinya, termasuk persepsi Gestalt
3. *Color vision* (Visi mengenai warna)
4. *Black and white vision* (Visi mengenai hitam dan putih/termasuk persepsi warna)
5. *Motion perception* (Persepsi gerak)
6. *Multimodal perception* (Persepsi multimodal)

Piaget (1930:165) pula menyatakan bahawa persepsi (bagaimana sesuatu imej diterima) adalah berkait rapat dengan konsep (bagaimana kita membentuk idea, menggunakan simbol, dan pemahaman terhadap hubungannya dengan sesuatu yang abstrak). Hubungan diantara persepsi dan konsep dapat dijelaskan melalui imej. Manusia menangkap semua yang dilihat dalam bentuk imej-imej yang dikirimkan dari mata ke otak. Imej atau *image* secara tidak langsung adalah gambaran dalam fikiran. Istilah ini juga digunakan dalam bidang seni muzik dan bidang sinematografi. Imej atau *image* ditangkap oleh mata yang berfungsi seperti sebuah kamera yang dapat

05 menangkap (*capture*) imej. Hasil tangkapan itu adalah sebuah potret atau pun foto.

Imej-imej itu juga dapat dilihat sebagai hasil sensori. Proses ini juga dikhususkan untuk sensori penglihatan yang mana disebut dengan sensori-persepsi. Kesimpulannya, berdasarkan definisi yang diberikan, ekspresi dan persepsi merupakan dua entiti yang tidak boleh dipisahkan dan penerangan lanjut mengenai definisi terma ini akan dijelaskan secara terperinci di dalam Bab 2.

Berdasarkan pemerhatian, kanak-kanak yang terlibat aktif dalam lukisan berupaya memberi rangsangan dan pembangunan terhadap pembelajaran dan perkembangan diri mereka dari masa ke semasa dengan baik. Menurut Kamarudin Hj Husin (2010:5), pembelajaran secara formal berlaku di mana seorang guru berkeupayaan memenuhi keperluan psikologi seseorang kanak-kanak. Dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) Pendidikan Seni Visual (PSV), dinyatakan bahawa murid-murid di sekolah rendah pada keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif. Matapelajaran PSV memainkan peranan memperkembangkan sifat dan potensi murid khususnya dalam kegiatan pemikiran, penerokaan, pernyataan idea, ekspresi diri dan penghasilan seni mereka. Menyedari kepentingan hakikat ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal sebagai kesinambungan daripada KBSR dengan memasukkan Komponen Pendidikan Seni Visual Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran untuk memberi fokus kepada usaha mencungkil dan mengembangkan bakat dan potensi murid bermasalah pembelajaran supaya dapat mengamalkan kemahiran yang dipelajari. Selain itu, kurikulum ini juga digubal bertujuan untuk melahirkan murid-murid masalah pembelajaran yang berkeyakinan tinggi, berkemahiran, berketerampilan serta bersikap positif dalam kehidupan.

05-4506832 Antje Tesche – Mentzen (2003:2) menegaskan bahawa seseorang kanak-kanak mula melibatkan diri secara tidak langsung dengan lukisan bermula pada peringkat seawal usia 2 tahun. Kanak-kanak pada usia ini selalunya melakar mengenai perkara-perkara yang mereka alami ataupun perkara-perkara yang berada di persekitaran mereka. Rob Barnes (2002:38) menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa lakaran kanak-kanak yang berumur di antara dua hingga empat tahun adalah dari luahan perasaan mereka.

Bagi kanak-kanak, lakaran merupakan satu lukisan yang melambangkan percakapan seseorang kanak-kanak yang belum petah. Apabila kanak-kanak diberikan kertas dan pensil warna, mereka akan menggunakan kesempatan ini untuk melakar mengenai persekitaran mereka dan sekiranya diperhatikan, hasil lakaran ini semakin lama semakin berkembang dan akhirnya mereka mampu menghasilkan lakaran yang lebih tersusun dan mempunyai maksud yang diluahkan melalui suatu perasaan iaitu ekspresi diri. Ini menjadikan aktiviti lakaran dan lukisan satu aktiviti yang sangat menyeronokkan kerana pada masa ini, mereka bebas untuk menzahirkan perasaan mereka. Kebiasaannya, di antara lakaran yang dihasilkan kanak-kanak ialah berbentuk rumah, orang dan diri mereka sendiri. Ada kalanya lukisan yang dihasilkan juga adalah bersifat di luar jangkaan yang mana kanak-kanak mampu menginterpretasi ekspresi diri mereka dengan cara yang lebih menarik berbanding orang dewasa.

Antje Tesche – Mentzen (2003:2) juga menyatakan bahawa kajian terhadap aktiviti perkembangan melukis kanak-kanak boleh dijalankan seawal umur 2 tahun. Kajian ini boleh dilihat menerusi pemerhatian dan analisis terhadap lukisan yang dihasilkan oleh seseorang kanak-kanak tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi bahawa kanak-kanak pada usia 2 tahun tidak dapat menghasilkan lukisan yang

05 berbentuk imej Kanak-kanak pada peringkat ini lebih banyak menghasilkan simbol-simbol seperti bulatan dan garisan. Namun demikian, kanak-kanak ini lebih menonjolkan sensitiviti dalam diri mereka melalui pemilihan warna untuk lakaran mereka. Pilihan warna ini melambangkan ciri-ciri ekspresi diri kanak-kanak tersebut. Ini boleh dilihat melalui pelbagai kajian yang telah dijalankan mengenai perkembangan artistik kanak-kanak dan perkembangan lukisan yang dihasilkan.

Kajian mengenai lukisan kanak-kanak ini boleh dilihat menerusi teori perkembangan artistik yang diperkenalkan oleh Piaget pada tahun 1929, Frank Cizek dari tahun 1897 hingga 1938 dan Victor Lowenfeld pada tahun 1939. Hasil dapatan kajian dari Piaget (1930:254) menunjukkan bahawa pemikiran kognitif kanak-kanak adalah berkembang secara berperingkat-peringkat melalui hasil lukisan mereka.

Viktor Lowenfeld pula telah mengenalpasti hasil produksi karya seni kreativiti dan perkembangan mental kanak-kanak bermula dari tahap kanak-kanak berumur dalam lingkungan 2 tahun. Dalam kajian terbaru yang dijalankan oleh Herbeholtz dan Herberholz (2002:103) menunjukkan bahawa, teori yang dikemukakan oleh Jean Piaget tentang perkembangan kognitif kanak-kanak dilihat telah memberi kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan pemikiran dan juga kebolehan menaakul di kalangan kanak-kanak.

Menurut Herbeholtz dan Herberholz (2002:104), untuk mengajar kanak-kanak tentang asas seni, seseorang pendidik itu perlu mengetahui tahap perkembangan artistik seseorang kanak-kanak dalam mempersembahkan karya atau hasil kerja tangan mereka. Mereka telah membuat kajian dan eksperimen terhadap beberapa orang kanak-kanak mengenai tahap perkembangan artistik mereka. Hasil dari kajian

05 yang telah dijalankan, mereka telah mengklasifikasikan tahap perkembangan artistik kanak-kanak kepada beberapa tahap berdasarkan kepada rajah 1.0 di bawah:

Tahap 1: Membuat tanda atau contengan: 2 hingga 4 tahun.

Manipulasi, menconteng

- Tidak terkawal, Kinestetik
- Terkawal, berulang, menegak, bulatan
- Menamakan bekas/tanda
- Warna penting tetapi tidak berkaitan dengan objek
- Proses lebih penting daripada hasil




Figura:

- Kepala/kaki: bentuk tertutup bergarisan; bercorak radial
- Badan biasanya dibuat dari bentuk geometri
- Lebih menggunakan daya ingatan berbanding melalui pemerhatian terus dalam menghasilkan sesuatu.
- Menunjukkan konsep, melebihkan atau menghilangkan bahagian badan dan ménékankan kepada ketelitian kepada bahagian yang penting secara penuh emosi dan fizikal yang signifikan.

Ruang:

- Sedikit atau langsung tiada tindihan
- Meletakkan item secara rawak di ruang lukisan
- Kelihatan garisan asas – Terpesong: bengkok, berganda, percampuran antara satah dan ketinggian, xray, petindihan.





05-Tahap 3: Realism: 8 hingga 12 tahun.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- Lebih perhatian kepada kesaksamaan badan, aksi lembaga, perincian pada pakaian
- Pemerhatian yang lebih teliti pada persekitaran; hilangnya garisan asas secara berperingkat dan munculnya ‘ufuk’; bayang-bayang; mungkin adanya lorekan.
- Menunjukkan ‘kedalaman’ melalui saiz yang mengecil dan penindihan.
- Menggunakan warna yang realistik.
- Lebih kritikal terhadap hasil kerja sendiri.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

*Rajah 1.0. Kajian Perkembangan Artistik oleh Donald Herbeholtz dan Barbara Herberholz. (2002: 104-106)*

Kajian terhadap perkembangan artistik kanak-kanak ini masih lagi diberi perhatian hingga ke hari ini. Ini adalah kerana hasil dapatan kajian, teori dan hasil penyelidikan boleh dijadikan sebagai panduan kepada guru-guru serta ibu bapa. Perkara ini adalah penting untuk membantu mempertingkatkan kualiti, teknik dan persembahan dalam lukisan kanak-kanak.

Selain daripada itu, hasil dapatan kajian tersebut sangat penting bagi membantu penyelidik, guru-guru dan ibu bapa mengkaji lukisan di kalangan kanak-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

05 kanak autisme aka sejajar.my dengan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia mengintegrasikan komponen Pendidikan Seni Visual Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dalam KSSR. (*lampiran A*)

### **Autisme.**

Autisme merupakan masalah biologi yang mengganggu perkembangan dan sistem saraf otak. Menurut Brenda Scheurermann dan Jo Webber (2002: 2), autisme mula dikesan oleh ahli psikiatri kanak-kanak dari Amerika, Leo Kanner pada tahun 1943 di Pusat Perubatan John Hopkin. Leo Kanner telah menjalankan kajian ke atas 11 orang kanak-kanak selama beberapa tahun. Kanak-kanak autisme ini didapati mempunyai masalah sosial, sering bersendirian dan berada di dalam dunia mereka sendiri.

Sebahagian kanak-kanak ini tidak menggunakan bahasa. Namun menurut Razhiyah (2008: 4), Leo Kanner juga mendapatkan bahawa ada di antara kanak-kanak ini yang mempunyai kebolehan yang luar biasa dan memiliki tahap kognitif yang tinggi. Autisme berlaku sejak bayi dan kadarnya melibatkan 5 dalam 10000 kanak-kanak; manakala mereka yang mengalami ciri-ciri autisme adalah seramai 15 orang dalam setiap 10000 orang. Nisbah risiko kanak-kanak lelaki kepada kanak-kanak perempuan adalah sebanyak 4 kali ganda. Autisme melibatkan manusia di seluruh dunia tanpa mengira agama, bangsa, kaum dan taraf sosial serta ekonomi.

Kajian mendapati faktor genetik juga memainkan peranan utama yang menyumbang kepada autisme. Menurut K.A. Razhiyah (2008: 90), sekiranya salah seorang daripada kembar seiras mengalami autisme, risiko kembarnya menghidap autisme atau masalah interaksi sosial dan kefahaman bahasa adalah amat tinggi.

Sebahagian kecil kanak-kanak autisme berkemungkinan mengalami kerencatan akal.

05-Walaupun begitu, terdapat juga kanak-kanak autisme yang mempunyai kecenderungan yang tinggi atau kemahiran luar biasa di dalam bidang yang tertentu. K.A. Razhiyah (2008: 90) menerangkan bahawa terdapat kanak-kanak autisme yang menunjukkan kelebihan dalam bidang-bidang tertentu seperti ejaan, matematik, mekanikal, muzik, seni lukis dan lain-lain. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun kanak-kanak ini mengidap autisme, mereka tidak boleh dipinggirkan dan diabaikan kerana ternyata, melalui kajian-kajian yang telah dijalankan, mereka mempunyai kelebihan mereka yang tersendiri.

Autisme seringkali dikaitkan dengan kesukaran kanak-kanak untuk menunjukkan perasaan mereka secara fizikal. Sesetengah kanak-kanak autisme tidak dapat menunjukkan kasih sayang ataupun sebarang reaksi fizikal berhubung emosi mereka. Sesetengah dari mereka pula mampu untuk senyum dan ketawa tanpa sebarang rangsangan tambahan dan paksaan. Kanak-kanak autisme yang tidak dapat meluahkan emosi mereka memerlukan bimbingan, usaha yang gigih, kesabaran dan curahan kasih sayang daripada ibu bapa dan juga guru-guru. Mereka perlu diajar untuk menunjukkan emosi. Begitu juga halnya dengan cara untuk meluahkan perasaan melalui lukisan. Howlin, Cohen dan Hadwin (1999: 23) menyatakan emosi seseorang kanak-kanak boleh dikenalpasti dari lukisan skematik kanak-kanak autisme sendiri. Selain daripada itu, Linderman (1997: 15) dalam bukunya *Art In The Elementary School: 5th Edition*, ada menyatakan bahawa sebagai seorang kanak-kanak, mereka kebiasaannya akan menyatakan ekspresi diri mereka melalui garisan yang pelbagai dalam lukisan mereka. Hal yang sama berlaku kepada kanak-kanak autisme. Kanak-kanak ini teruja untuk terus melukis kerana mereka sangat seronok mengeluarkan idea yang tersimpan dalam pemikiran mereka berdasarkan pengalaman persepsi visual mereka. Kecenderungan menghasilkan pelbagai jenis lakaran dan

05 lukisan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada kanak-kanak diperingkat ini untuk meluahkan ekspresi diri mereka untuk dikongsi bersama dengan orang lain. Lukisan kanak-kanak autisme yang dihasilkan telah dijadikan sebagai suatu diagnosis terhadap ekspresi mereka. Ini membantu kita mendalami emosi seseorang kanak-kanak autisme itu di samping turut mengolah kreativiti yang ada dalam diri mereka.

Dari sudut psikologi, kita dapat menilai watak seseorang melalui lukisan atau lakaran yang dihasilkan iaitu melalui imej atau objek yang dilukis, gaya serta olahan artistik. Kanak-kanak autisme adalah golongan yang memerlukan bimbingan dan dorongan terutama apabila melakukan aktiviti-aktiviti lukisan. Mereka perlu dididik tentang bagaimana hendak mengembangkan minat, kecenderungan, motivasi, pemikiran, ingatan, perbezaan antara individu, sikap, naluri, dorongan dan sebagainya. Untuk menganalisis perkembangan lukisan seseorang kanak-kanak autisme, kita boleh membuat pemerhatian terhadap tahap perkembangan artistik seseorang kanak-kanak itu. Pemerhatian ini seharusnya dimulakan pada usia awal kanak-kanak. Untuk memastikan kanak-kanak autisme ini menerima sesuatu aktiviti, proses, dan pengalaman serta membuat eksplorasi dan pertanyaan, kita seharusnya mengenali mereka serta menyelami jiwa dan perasaan mereka. Perkara ini akan dapat menghasilkan satu konsep pemahaman dan akhirnya dapat digunakan oleh kanak-kanak austisme ini untuk menginterpretasi dunia mereka sendiri dalam lukisan.

Sebagai seorang pengkaji kita akan dapat mencapai pemahaman terhadap kajian seni visual dengan menggabungkan pengalaman awal seseorang kanak-kanak autisme sebagai suatu objektif utama dalam kajian. Ini dapat memberi satu kesinambungan kepada proses pengajaran dan pembelajaran terhadap seseorang

05 kanak-kanak autisme yang mana pendekatan dan cara pengajaran dan pembelajarannya adalah berbeza dengan kanak-kanak yang normal.

Matlamat pendidikan untuk kanak-kanak amnya dan kanak-kanak autisme khususnya adalah bukan sekadar mengajar mereka tentang berapa banyak atau kurangnya ilmu pengetahuan yang patut mereka perolehi. Matlamat pendidikan juga bukan hanya sekadar untuk memupuk nilai-nilai murni seperti kejujuran, keberanian dan sebagainya tetapi supaya kanak-kanak ini dapat dibentuk menjadi seorang individu yang boleh berfungsi dalam masyarakat merentasi kehendak seperti yang dinyatakan di atas. Justeru, kanak-kanak perlu menguasai beberapa kemahiran lain seiring dengan pencapaian akademik untuk menjalani kehidupan harian mereka. Antara kemahiran yang paling utama ialah kemahiran menyatakan ekspresi diri.

Kanak-kanak mempunyai pelbagai cara untuk menyatakan ekspresi diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi Mereka menyanyi, menari, menulis, menconteng dan pelbagai cara lagi. Mereka juga menggunakan pelbagai medium sebagai pengantara ekspresi diri mereka. Salah satu daripada medium itu ialah melalui melukis. Melalui lukisan atau lakaran yang dihasilkan, kita akan dapat menilai watak pelukis itu dengan lebih jelas lagi. Penilaian ini dibuat melalui imej atau objek yang dilukis, gaya serta olahan artistik menerusi lukisan mereka.

Sekiranya dilihat kajian mengenai kanak-kanak dan perkembangan kanak-kanak autisme, ia amat berkait rapat dengan cabang psikologi pendidikan. Kurikulum untuk kanak-kanak autisme dibentuk agar lebih tertumpu kepada hal mendidik yang mana melibatkan proses pengajaran, penyampaian dan mengasuh. Proses ini merupakan proses mengembangkan potensi seseorang kanak-kanak untuk melahirkan

generasi manusia yang intelek, bermaruah, bertanggungjawab serta mampu

05 menyelenggarakan kesejahteraan diri dan masyarakat. Dalam proses ini hubungan seorang guru dan murid adalah amat penting terutamanya apabila proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara formal.

Seseorang guru perlu memainkan peranan yang penting di dalam membantu perkembangan kanak-kanak autisme. Guru perlu memahami seseorang individu, meramal dan mengawal tingkah laku murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memastikan pembelajaran berjalan dengan lancar, guru harus sentiasa merangsang minat kanak-kanak autisme ini sebelum menjalankan sesuatu aktiviti. Perkara ini penting sekiranya ia melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran lukisan. Bagi kanak-kanak autisme, lukisan adalah berfungsi jelas sebagai suatu cara untuk berkomunikasi dan lukisan juga boleh dianggap sebagai medan refleksi pemikiran kanak-kanak. Ini adalah kerana, ada di antara mereka tidak boleh berkomunikasi dengan baik.

Proses komunikasi ini boleh dilihat melalui aktiviti menggambar yang mana ia merupakan aktiviti yang penuh stimulasi terhadap proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak autisme. Ia bersetujuan dengan Komponen Pendidikan Seni Visual Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di mana objektifnya akan membolehkan murid:

- Menunjukkan kemahiran kognitif, psikomotor dan sosial.
- Mengembangkan bakat dan kreativiti.
- Menghayati keindahan alam dan warisan budaya.
- Menghasilkan karya seni yang kreatif.